

01/10/2003

TLDM terima Super Lynx 300

LANGKAWI: Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) semalam secara rasmi menerima helikopter pertama Super Lynx 300 daripada Agusta Westland (Agusta) bagi memantapkan keupayaannya mengawal perairan negara.

Majlis penyerahan di Awana Porto Malai, tempat berlangsungnya segmen maritim bagi Lima `03 itu ditandatangani Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Anwar Mohd Nor dan Pengarah Urusan Agusta, Alan J Johnston. Ia disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Helikopter itu adalah satu daripada enam helikopter yang ditempah TLDM daripada Agusta untuk memberi perlindungan lebih berkesan dalam operasi mengawal perairan negara.

Kementerian Pertahanan dilaporkan menempah enam helikopter Super Lynx pada 1999 daripada Agusta, sebuah syarikat usaha sama Britain dan Itali pada harga RM600 juta, merangkumi latihan.

Kerajaan meluluskan pembelian helikopter itu bagi menggantikan pesawat Wasp yang dikatakan agak uzur. Setiap Super Lynx berupaya membawa empat peluru berpandu antikapal.

Sementara itu, Pengurus Tugas Agusta, George Polard, berkata lebih 10 kakitangan Agusta hadir pada Lima kali ini bagi membantu TLDM menyenggara helikopter itu.

Katanya, Lima `03 bakal menyaksikan lembaran baru negara ini bagi teknologi maritim dan aeroangkasa berikutan sokongan padu daripada kerajaan Malaysia.

Terdahulu, Dr Mahathir yang diiringi Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkuah memotong reben menandakan pelancaran segmen pameran itu di Awana Porto Malai.

Ini disusuli satu demonstrasi oleh Pasukan Khas Laut (Paskal), iaitu pasukan Komando TLDM, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang menunjukkan keupayaan mereka di air.

Perdana Menteri juga menyaksikan lintas hormat oleh enam helikopter daripada kapal yang berlabuh di situ sempena Lima `03.

Dr Mahathir kemudian ke pusat pameran maritim yang mana beliau melancarkan Business Focus Sdn Bhd, iaitu syarikat induk PSC Naval Dockyard yang dimiliki oleh ahli perniagaan, Tan Sri Amin Shah.

Ketika pelancaran Business Focus, lagu Melayu popular, Lagenda, yang disampaikan Datuk Sharifah Aini kedengaran. Lagu itu diiringi satu klip video yang menunjukkan pencapaian Perdana Menteri sejak 22 tahun lalu. Beliau kemudian disampaikan satu versi VCD klip video itu.

Beliau kemudian menaiki bot untuk melawat kapal yang berlabuh di lokasi pameran maritim itu.

Dalam pada itu, United Kingdom adalah pempamer asing terbesar pada segmen maritim di Lima `03 yang bermula semalam berikutan penyertaan 17 syarikat British.